

Empat pesilat Kelantan berpeluang

26 MAY 1989

B. Harian (M)

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

EMPAT daripada enam pesilat Kelantan berpeluang cerah dipilih mewakili negara ke Sukan SEA XV, Ogos ini berdasarkan keupayaan ditunjukkan sepanjang latihan di Kota Bharu.

Empat pesilat itu ialah Azam Haji Abas (H), Mohd Basri Abdul Rahman (A) Wan Adnan Wan Isa (C) dan Wan Amizah Wan Ahmad (B).

PELAK SILAT

Azam pernah mengutip pingat gangsa di Sukan SEA Jakarta '87 lalu, manakala Mohd Basri, Wan Adnan meriah pingat emas di Kejohanan Jemputan Singapura, tahun lalu.

Bagaimanapun jurulatih Kelantan, Mohd Noor Mahmud, berkata ini tidak bermakna peluang dua pesilat lagi, Sazali Said dan Mohd Zain Yaacob tidak mempunyai peluang.

"Mereka tetap berpeluang, tetapi terpaksa bekerja keras mengatasi keupayaan saingan masing-masing," tambahnya.

Mohd Zain terpaksa bersaing dengan Azam Mokhtar dalam Kelas Bebas, manakala Sazali dengan Rozaidi Abdul Rahman dalam kelas I.

Enam pesilat itu turut menjadi harapan Kelantan bagi meraih pingat emas pada Kejohanan Silat Kembangan dan Jemputan Antarabangsa anjuran Pertubuhan Seni Silat Terlak Empat Kelantan pada 6-8 Julai ini.

Empat negara, Indonesia, Thailand, Brunei dan Singapura diundang menyertai kejohanan itu.

Sementara itu kesemua pesilat skuad Sukan SEA diingatkan supaya melapor diri selewat-lewatnya 6 Mac ini untuk latihan pusat peringkat keenam di Kompleks Sukan Kampung Pandan.

"Mereka yang gagal berbuat demikian akan digugurkan," kata Penolong Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesak), Sulaiman Sarijan.

Setakat ini, 29 pelatih disenaraikan untuk latihan itu.

Sulaiman berkata, jawatankuasa pemilihan terpaksa bertindak tegas terhadap pesilat yang gagal melapor diri.

"Kami tidak kira sama ada mereka berpontensi meraih pingat emas atau tidak. Yang penting mereka mesti berdisiplin," kata beliau.

Minta
- 5 JUN 1989
MSN
B. Harian (M)
selidik 3

MAJLIS Silat Negeri Sembilan meminta Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak campur tangan bagi menyelesaikan masalah peserta sukan SEA yang mengikuti latihan pusat, tetapi masih menerima sepauh gaji daripada majikan masing-masing.

Presiden Majlis Silat Negeri Sembilan, Ishak Hassan, berkata pihaknya memandang berat masalah itu kerana ia boleh mengganggu prestasi dan kemajuan sukan itu.

Katanya Datuk Seri Najib harus membuat kenyataan atau menghantar surat kepada majikan pesilat-pesilat terbabit supaya mereka diberi gaji penuh.

Ishak membuat kenyataan ini berikutan salah seorang ahli silat di Negeri Sembilan, Mior Badrul Hisham Kamaruzaman yang bertugas di Arab Malaysian Finance, Port Dickson hanya mendapat setengah gaji ketika latihan pusat.

Persatuan Rakyat akan beri Perwanit pejabat

- 6 JUN 1989

SEBUAH lagi badan Melayu setempat akan mempunyai pejabatnya sendiri di perkarangan Persatuan Rakyat (PA) di Kallang — menjadikan bilangan penghuni badan Melayu di situ sebanyak empat kumpulan.

Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) akan diberikan sebuah bilik pejabat dekat rumah Majlis Pusat Pertubuhan Pertubuhan Budaya Melayu Singapura (MP).

Setiausaha Agung Perwanit, Encik Juhari Uriff, memberitahu bahawa persatuannya akan memusatkan kerja-kerja penyelarasan dan pentadbiran di pejabat baru itu mulai bulan depan jika urusan penempatan yang dirundingkan bersama para pegawai PA berjalan lancar.

Sebelum ini, Perwanit menggunakan pejabat Persatuan Jurulatih Seni Bela Diri Singapura, yang juga terletak di

kawasan itu, untuk mengadakan perbincangan dan pertemuan.

Tiga lagi badan Melayu yang menghuni di situ ialah Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Persatuan Hadrah dan Kompartemen Singapura (Pehaks), dan MP.

Sementara itu, dalam satu majlis kenalsuai di kalangan anggota jawatankuasa Perwanit, Setiausaha Politik sambilan (Kementerian Ehwah Dalam Negeri), Encik Harun A. Ghani, yang juga merupakan timbalan presiden badan itu, berkata bahawa Perwanit perlu memberi kerjasamanya dalam Kempen Anti-Dadah Nasional (Nadac) yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Menyentuh tentang tugas barunya yang memberi perhatian kepada masalah dadah di kalangan masyarakat Melayu, Encik Harun berkata ia meru-

pakan satu tanggungjawab yang berat dan memerlukan perancangan teliti.

"Masalah ini bukanlah masalah mudah dan ia perlu diatasi dengan penuh keperhatian. Negara mana pun sejauh ini tidak berjaya menghentikan gejala ini sepenuhnya dan kesan masalahnya tidak boleh selesai dalam sehari dua," kata Encik Harun dalam majlis yang juga bertujuan meraikan perlantikannya.

Encik Harun, yang mula menyandang jawatan Setiausaha Politik pada 1 Jun, ditugaskan khas untuk memberi perhatian kepada masalah dadah di kalangan masyarakat Melayu dan membantu dalam menyelaraskan tugas Pasukan Bertindak Anti-Penyalahgunaan Dadah, Biro Narkotik Pusat, Persatuan Anti-Narkotik Singapura dengan Kementerian Ehwah Dalam Negeri.